



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 30 NOVEMBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	'KELULUT HONEY INDUSTRY HAS BIG INCOME POTENTIAL', NEWS/NEWS IN BRIEF, NST -10 KELANTAN SELLS RM3.5MIL WORTH OF STINGLESS BEE HONEY ANNUALLY, ONLINE, NANYANG SIANG PAU	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3. 4. 5. 6. 7. 8.	DUA LELAKI CUBA SELUDUP PATI, BUAH DURIAN DITAHAN, MAHKAMAH DAN JENAYAH, SINAR HARIAN -21 MAQIS SITA TUJUH KONTENA SUSU TEPUNG BERNILAI LEBIH RM1.9 JUTA, NEGARA, KOSMO -16 RAMPAS SUSU TEPUNG RM2J DALAM 7 KONTENA, LOKAL, HM -20 SUSU TEPUNG BERNILAI RM2 JUTA DIRAMPAS, NEGERI PERAK/P.PINANG, SH -27 RAMPAS 28,008KG DAGING SEJUK BEKU TANPA PERMIT IMPORT, LOKAL, HM -17 MAQIS GAGALKAN USAHA BAWA MASUK HAIWAN, TUMBUHAN, SEMPADAN NEGERA DIBOLOSI PENYELUDUP, SH -9	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
9.	INCREASE IN ASSISTANCE RATE FOR THE VULNERABLE SHOWS GOVT CARES, ENGLISH SECTION, HAKAKAH -E26	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
10. 11. 12.	AGROBANK TAWAR RM1.3 BILION UNTUK PENGUSAHA MIKRO, NASIONAL, HAKAKAH -H7 AGROBANK LULUS 9,000 PERMOHONAN, BISNES, HM -22 OUR NEW VISION SETS A CLEAR DIRECTION IN ENHANCING VALUE BEYOND BANKING, THE STAR -6	AGROBANK
13. 14. 15.	LIFESAVING MODE, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -6 BERBAKTI PADA TANAH CAPAI PEMBANGUNAN LESTARI, MINDA PEMBACA, BH -13 KEBOLEHPASARAN GRADUAN TVET CAPAI 95 PERATUS, NASIONAL, 7	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/11/2020	NST	NEWS/ NEWS IN BRIEF	10

'Kelulut honey industry has big income potential'

KOTA BARU: The kelulut (stingless bee) honey industry in the country has a big potential to boost the income of local entrepreneurs, said Agriculture and Food Industries Deputy Minister II Datuk Che Abdullah Mat Nawi. According to statistics from the Agriculture Department, he said a total of 145,856kg of kelulut honey worth more than RM21 million have been produced up to last month. "We can see that this kelulut honey industry has the potential to become one of the country's new sources of wealth. Kelulut honey is said to be suitable for large-scale breeding. It has huge potential in making Malaysia a major player in the global market... thus increasing the income of farmers," he said after visiting a kelulut farm at Min House Camp in Kubang Kerian here. **Bernama**

Headline	Kelantan sells RM3.5mil worth of stingless bee honey annually		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	30 Nov 2020	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A3	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	285 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,585
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,755



仄阿都拉参观 Min House Camp 的银蜂展览廊。

全马第二多 市场潜力大 丹年售350万银蜂蜜

(哥打峇鲁 29 日讯) 吉兰丹州目前是续砂拉越之后，第二大的银蜂蜜生产州，每年的产量达 2 万 4730 公斤，总额达 350 万令吉。

农业及食品工业部第二副部长拿督仄阿都拉说，银蜂工业是能够为国内生产总值 (GDP) 做出贡献的新财富来源之一。

“根据农业局的数据显示，截至今年 10 月，全国各地的银蜂业者共生产了 14 万 5856 公斤的

银蜂蜜，总额达 2100 万令吉。”

他在新闻会上这么说。之前，仄阿都拉参观古邦阁亮 Min House Camp 的银蜂展览廊。

他说，马来西亚的银蜂工业具有巨大的潜力，可以提高企业家的经济收入来源，无论是小规模还是商业化的。

他指出，为进一步增加银蜂蜜的产量，政府部门与机构以拟定了数策略协助企业家，包括提供企业家课程和指导。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/11/2020	SINAR HARIAN	MAHKAMAH DAN JENAYAH	21

• Dua lelaki cuba seludup PATI, buah durian ditahan

PELABUHAN KLANG - Cubaan dua lelaki untuk menyeludup keluar 166 biji durian dengan menggunakan bot tidak kesampaian apabila mereka ditahan pada jarak 4.1 batu nautika barat daya Tanjung Gabang di sini kelmarin.

Kedua-duanya ditahan dalam operasi kira-kira jam 7.30 malam oleh sepasukan anggota Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Negeri Selangor.

Pengarah Maritim Negeri Selangor, Kepten Maritim Mohammad

Rosli Kassim berkata, bot tersebut ditahan berikutan maklumat risikan yang mengesan sebuah bot fiber tanpa nombor pendaftaran dalam keadaaan mencurigakan sedang menuju ke perairan antarabangsa.

"Ketika bot terbabit berjaya dipintas, pemeriksaan mendapati terdapat tiga pendatang asing tanpa izin (PATI) bersama dua warga tempatan berusia 19 hingga 56 tahun.

"Lelaki tempatan itu dipercayai cuba menyeludup keluar PATI terbabit," katanya dalam satu kenyataan di

sini semalam.
Rosli berkata, pemeriksaan lanjut dalam bot terbabit turut menemui sebanyak 166 biji durian pelbagai jenis antaranya D1, D24 dan D40 yang diletakkan di dalam 40 kotak.

Beliau berkata, siasatan masih dijalankan dan kes disiasat di bawah Akta Imigresen 1959/63 dan Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) kerana menyeludup durian tanpa permit import.



APMM Selangor merampas sebanyak 166 biji durian selain tangkapan tiga PATI bersama dua warga tempatan di Tanjung Gabang, Klang kelmarin.

Maqis sita tujuh kontena susu tepung bernilai lebih RM1.9 juta

SERBRANG PERAI - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) menyita tujuh buah kontena mengandungi lebih 191 tan serbuk susu di Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT) di sini

Jumaat lalu.

Pengarah Maqis negeri, Zarina Ramli berkata, operasi pada pukul 5.54 petang, itu dibuat selepas pihaknya mendapati produk berkenaan cuba dibawa masuk ke negara ini tanpa mengi-

kut Permit Import Maqis.

"Terdapat tujuh kontena yang mengandungi susu tepung yang dibawa masuk dari Ireland dan Belanda ditahan bagi siasatan lanjut kerana didapati tidak mematuhi syarat tersebut.

"Barang dagangan sebanyak 7,660 paket dengan berat keseluruhan kira-kira 191,500 kilogram itu dianggarkan bernilai RM1,995,662.60," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Difahamkan, produk berke-

naan untuk dipek semula sebagai produk makanan dan minuman sebelum dipasarkan.

Kes disiasat mengikut Seksyen 13(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/11/2020	HARIAN METRO	LOKAL	20

Rampas susu tepung RM2j dalam 7 kontena

Butterworth: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas tujuh kontena susu tepung bernilai RM2 juta yang dibawa masuk dari Ireland dan Belanda di sini, Jumaat lalu.

Susu tepung berkenaan dikesan dalam pemeriksaan jam 5.45 petang oleh pegawai penguat kuasa Maqis terhadap tujuh kontena yang baharu masuk di Pelabuhan Pengkalan Kontena Butterworth Utara (NBCT).

Pengarah Maqis Pulau Pinang, Zarina Ramli berkata, dalam pemeriksaan itu ditemukan 7,660 pekete susu tepung seberat 191,500 kilogram (kg).

"Semua susu tepung itu dibawa masuk dari dua negara iaitu Ireland dan Belanda, tetapi gagal ditunjukkan permit import yang sah dan kami terpaksa merampasnya," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Menurutnya, perbuatan mengimport keluaran pertanian tidak mematuhi piawaian yang dikehendaki pada permit import Maqis adalah satu kesalahan me-

7,660

Jumlah pekete susu tepung seberat 191,500kg yang ditemui dibawa masuk dari Ireland, Belanda

ngikut Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011.

"Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya," katanya.

Menurutnya, Maqis mengambil langkah tegas dalam isu membabitkan keselamatan makanan, kawalan penyakit dan risiko kemasukan perosak yang boleh mengancam industri pertanian negara.

Katanya, tindakan penguatkuasaan undang-undang akan terus diperkasa bagi memastikan kawalan penyakit haiwan, ikan, tumbuhan dan jaminan keselamatan makanan terpelihara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/11/2020	SINAR HARIAN	NEGERI PERAK/ P. PINANG	27

Susu tepung bernilai RM2 juta dirampas

Tidak memiliki permit import daripada Maqis

Oleh SYAJARATULHUDA MOHAMAD ROSLI

BUTTERWORTH

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang merampas 191,500 kilogram (kg) serbuk susu bernilai hampir RM2 juta pada Jumaat lalu.

Pengarahnya, Zarina Ramli berkata, susu jenis *instant fat filled milk powder* itu dirampas di Pelabuhan Pengkalan Kontena Butterworth Utara (NBCT) di sini kerana tidak mematuhi syarat permit import.

Menurutnya, dalam pemeriksaan pada jam 5.45 petang itu, Maqis Pulau Pinang menahan tujuh buah kontena dari Ireland



Antara susu tepung bernilai hampir RM2 juta yang dirampas Maqis Pulau Pinang pada Jumaat lalu.

dan Belanda.

“Pemeriksaan pada kesemua kontena mendapati terdapat 7,660 peketerbuk susu yang tidak mematuhi syarat ditetapkan pada per-

mit import Maqis.

“Semua serbuk susu bernilai hampir RM2 juta itu dirampas,” katanya menerusi kenyataan semalam.

Beliau berkata, kes itu

disiasat menurut Seksyen 15(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 yang mana jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau keduanya sekali.

Katanya, Maqis sentiasa menjalankan pemeriksaan setiap keluaran pertanian yang masuk dalam negara bagi memastikan komoditi pertanian, ikan dan haiwan yang diimport mematuhi syarat serta peraturan yang ditetapkan bagi menjamin keselamatan makanan, bebas daripada perosak dan penyakit serta halal untuk dimakan.



DAGING kerbau sejuk beku dari India yang dirampas Maqis Selangor.

Rampas 28,008kg daging sejuk beku tanpa permit import

Pelabuhan Klang: Sebuah kontena yang mengandungi daging kerbau sejuk beku dari India seberat 28,008 kilogram (kg) ditahan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Selangor di sini, Jumaat lalu.

Pengarah Maqis Selangor, Dr Tarmisal Alimin berkata, penahanan kontena di pintu masuk Maqis di Pelabuhan Klang Barat itu dilakukan ketika pegawainya menjalankan pemeriksaan rutin harian.

“Hasil pemeriksaan mendapati ia membawa daging kerbau sejuk beku tanpa permit import Maqis yang sah.

“Kami menahan kontena berkenaan dan merampas daging kerbau sejuk beku yang dianggarkan bernilai RM270,980.67 seberat 28,008kg,” katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Tarmisal berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang boleh dihukum mengikut Seksyen 11(3) akta yang sama.

“Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya,” katanya.

Daging kerbau sejuk beku dirampas dianggarkan bernilai RM270,980.67

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/11/2020	SINAR HARIAN	SEMPADAN NEGERA DIBOLSI PENYELUDUP	9

Maqis gagalkan usaha bawa masuk haiwan, tumbuhan

IPOH - Tindakan penguatkuasaan di pintu masuk negara turut melibatkan penyeludupan haiwan, ikan dan tumbuhan terkawal menerusi Kompleks ICQS Bukit Berapit, Pengkalan Hulu.

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) berjaya menggagalkan usaha banyak pihak membawa masuk barangan pertanian yang ditakrifkan sebagai tidak selamat untuk pengguna.

Bermula dari Januari lalu, Maqis Perak berjaya mematahkan cubaan membawa masuk 200 kilogram (kg) sosej tanpa permit sah bernilai RM2,500 untuk dijual di pasaran tempatan.

Sinar Harian sebelum ini turut melaporkan cubaan membawa 450kg durian dan 480kg petai bernilai RM2,565 pada Julai lalu.

Terbaharu, Maqis juga turut merampas 23 ekor anjing baka Pomeranian, Shih Tzu dan French Bulldog yang dianggarkan bernilai RM20,000 itu disembunyikan dalam sebuah lori transit yang membawa buah-buahan dari Thailand ke Singapura, September lalu.

Berdasarkan rekod, anak pokok seperti durian, kelapa, nenas, tebu, buluh, ubi, bunga hiasan dan pelbagai benih sayur-sayuran akan dirampas sekiranya tidak mempunyai permit import sah.

Kes akan disiasat mengikut Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].



Petai dan durian antara hasil pertanian yang cuba diseludup di pintu sempadan.

30/11/2020

HARAKAH

ENGLISH SECTION

E26

Increase in assistance rate for the vulnerable shows govt cares

KUALA LUMPUR - The increase in assistance of between 10 percent and 30 percent for the vulnerable group in the 2021 Budget shows that the government emphasises sustainability of financial assistance to them.

Dean of the School of Business and Economy, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Azali Mohamed said the Supply Bill 2021 (Budget 2021) that was passed at the policy level today would also help in efforts to reduce poverty rate in the country, in line with sustainable development goals to be achieved.

"The focus is also on the persons with disabilities (PWD), poor children, followed by senior citizens who are most affected by the COVID-19 pandemic. These people really need financial support, especially to deal with the current difficult situation.

"Nowadays, it is not easy to get employment or business opportunities, especially for the PWD. Therefore, the increase in assistance is timely," he told Bernama.

Azali said if the vulnerable group optimises the aid provided by the government, it would also indirectly improve domestic economy through direct cash flow.

"However, the increase in the assistance rate can be reduced and reviewed from time to time according to needs in line with the latest annual Poverty Line Income (PLI).

"This is because the amount of increase announced by the minister today may be sufficient, or relevant with the spending rate for this year until next year, but in the future, the price of goods may

increase," he said.

Malaysian Usiamas Welfare Association president Datuk Rohaim Mohd Yusof, who is grateful that the Supply Bill 2021 (Budget 2021) has been approved, said the increase in assistance was a recognition for senior citizens.

"The increase in the honorarium value for volunteers under the Home Help Services Programme, which will be increased from RM150 to a maximum of RM400 as presented in the 2021 Budget shows recognition to our role in the elderly community.

"I hope with this assistance, the role of non-governmental organisations (NGOs), like this association, the government can make us partners in looking after the welfare of the elderly, even those under government agencies such as the Social Welfare Department, which has old folks homes," she said, adding that the association has about 170 volunteers.

Rohaimi said Malaysia, which is moving towards becoming one of the aged countries by 2030, will have more elderly people, and therefore the assistance will indirectly encourage the spirit of volunteerism and attract young people to become volunteers to take care of the elderly.

Hope to farmers, fishermen



For Kedah State Fisheries director, Abdul Halim Marzuki the passing of the budget was important for the survival of the fisheries sector and assist fishermen to pull through the COVID-19 pandemic.

"Apart from fisheries, we hope the government would also focus on certain infrastructure to help raise the productivity of the sector," he said.

Meanwhile, a padi farmer in Alor Setar, Kedah, Aswadi Khairi Che Omar, 36, was grateful that Budget 2021 has been passed.

"We are looking forward to seeing more improvements in our farming facilities such as canals and farm roads," he said.

Kemubu Agricultural Develop-

ment Authority (KADA) chairman Datuk Kamarudin Md Nor said the support of MPs for Budget 2021 has brought much cheers to 7,000 farmers in Kelantan.

"It is hoped more would be allocated for various development projects to ensure food sufficiency in the country next year," he added.

Meanwhile, Tumpat Area Fishermen Association chairman, Mohamed Shaam Abd Kadir was happy the budget had been passed as it meant a lot for the 400 fishermen registered in Tumpat district especially in the uncertain weather now and the challenges posed by the COVID-19 pandemic. - MXX

The passing of the budget at hope to fishermen and farmers to continue holding out during the ongoing COVID-19 pandemic.

Sarawak Fishermen Association (Penesa) chairman Jam Halimi told Bernama that the increase in the fishermen cost of living allowance from RM250 to RM300 in the budget starting next year showed the concern of the government towards fishermen.

Meanwhile, a fisherman from Kampung Pasir, Paudak in Santubong, Sarawak, Rosly Ibrahim welcomed the higher allowance and believed it could stimulate the socio-economy of the people.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/11/2020	HARAKAH	NASIONAL	H7

Agrobank tawar RM1.3 bilion untuk pengusaha mikro

KEMENTERIAN Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Dato' Seri Dr Ronald Kiandee berkata, Agrobank menawarkan pelbagai kemudahan kewangan kepada usahawan mikro dalam mengharungi cabaran ekonomi pasca Covid-19.

“Skim Pembiayaan Mikro Kredit di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) menawarkan kemudahan pembiayaan tanpa cagaran dengan kadar faedah yang rendah iaitu sebanyak 3.5 peratus.

“Program Agrobank Micro Enterprises Special Relief akan membiayai enam bulan ansuran awal

untuk akaun sedia ada atau akaun baharu dan pelanggan tidak perlu membayar enam bulan pertama skim pembiayaan,” katanya.

Ronald menjawab Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bersatu-Bukit Gantang] dalam sesi perbahasan Dewan Rakyat, Khamis meminta beliau menyatakan sejauh mana Agrobank memainkan peranan dalam membantu memudahkan pembiayaan mikro kredit bagi membantu usahawan mikro yang mengusahakan aktiviti perniagaan berasaskan pertanian dan industri makanan.

Agrobank lulus 9,000 permohonan

Kuala Lumpur: Agrobank terus menawarkan bantuan kewangan kepada pelanggan utamanya terutama pelanggan mikro dengan menawarkan bantuan pembayaran balik dan menerima permohonan sehingga Jun 2021.

Sehingga hari ini, Agrobank meluluskan lebih 9,000 permohonan untuk penstrukturan dan penjadualan semula (R&R) dan ini merangkumi lebih 8,000 permohonan daripada pelanggan mikro dan lebih 1,000 permohonan daripada pelanggan korporat, komersial, dan pengguna yang memohon sokongan kewangan tambahan untuk meredakan aliran tunai mereka kesan daripada penularan wabak Covid-19.

Inisiatif bantuan pembiayaan balik bersasar ini sejajar dengan pengumuman Belanjawan 2021 baru-baru

tanian terus menjadi komponen ekonomi yang sangat penting bagi negara dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM1.7 bilion untuk memperkasakan sektor pertanian dan industri makanan.

“Sebilangan besar inisiatif ini dirangka dengan baik untuk memberi manfaat kepada komuniti agro yang membabitkan semua segmen utama seperti perusahaannya kecil dan sederhana (PKS) dan kedua-dua kumpulan B40 dan M40.

“Sebahagian besar peruntukan yang diumumkan untuk industri pertanian dan makanan mengfokuskan kepada pemulihan perniagaan komuniti agro terutama mereka yang dikategorikan di bawah B40 dan PKS.

“Oleh itu, kami mengalu-alukan pelanggan datang

ke mana-mana cawangan Agrobank di seluruh negara, mengadakan perbincangan secara bersemuka untuk lebih memahami pilihan bantuan pembayaran yang ada, bagi membantu mereka melalui tempoh pemulihan Covid-19 ini,” katanya dalam kenyataan.

Menurutnya, untuk memenuhi syarat bagi mendapatkan bantuan pembiayaan bersasar itu, individu B40 mesti berdaftar di bawah program bantuan tunai, Bantuan Sara Hidup

(BSH) atau Bantuan Prihatin Rakyat (BPR), sementara individu M40 mesti berdaftar di bawah BPR manakala bagi perusahaan mikro, mereka mesti syarikat yang mempunyai kemudahan pembiayaan yang diluluskan hingga RM150,000; sebarang pertimana yang ditetapkan oleh SME Corp Malaysia.



KHADIJAH

ini oleh Menteri Kewangan mengenai penguatkuasaan Bantuan Pembayaran Sasaran untuk pelanggan B40, M40 dan PKS.

Penanggung Tugas Presiden/ Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Khadijah Iskandar berkata, berdasarkan Belanjawan 2021, per-

BANK PERSEKUTUAN MALAYSIA BERHAD 20000101002 (511910-0)



Our new Vision sets a clear direction in enhancing value **Beyond Banking**



Advancing Agriculture Beyond Banking

Financing

Beyond Banking



Program Agropreneur
Made to attract youth into agriculture sector



Rakyat scheme financing
to address national food security



Strategic collaboration with various companies and agencies with aim to empower B40



Advisory service & training programs to upgrade skills of agropreneurs



Value chain financing covering the upstream, midstream and downstream segments

penjana

Agro Makanan PENJANA scheme to ease burden due to Covid-19 pandemic



Deployment of AgroAgents to widen customer coverage and accessibility



Promotes good and sustainable agriculture practices through relevant certifications

Entrepreneurial Mindset

Community Empowerment

Good Self-Governance

Best Conduct



Scan QR code for more info



www.agrobank.com.my



[www.facebook.com / Agrobank](https://www.facebook.com/Agrobank)



@AgrobankMy



AgrobankTV

30/11/2020

THE SUN

NEWS
WITHOUT
BORDERS

6

**LIFESAVING
MOVE ...**

Fish farmers in Sungai Setit, Bandar Permaisuri in Terengganu transferring groupers from river enclosures to a saltwater pond after continuous rain caused salinity in the water to drop below required levels.

— **BERNAMAPIX**

Berbakti pada tanah capai pembangunan lestari

Matlamat pembangunan lestari (SDG) meliputi pembangunan ekonomi bagi meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat dengan penggunaan sumber yang bijaksana dan memastikan pemuliharaan terhadap alam sekitar dilaksanakan dengan sebaik mungkin untuk melihat hasilnya.

Antara matlamat penting pembangunan lestari dipersetujui ialah pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan daratan. Ketika ini, semua lapisan masyarakat digalakkan menjalankan aktiviti pertanian. Sebagai contoh, mengusahakan tanah dengan menanam pokok buah-buahan, sayur-sayuran, pokok bunga dan tanaman hiasan.

Pertanian boleh dilakukan di kawasan sesuai seperti tapak lapang di halaman ataupun belakang rumah. Jadi, tidaklah kawasan itu terbiar begitu sahaja, malah manfaatnya cukup besar kepada diri dan orang sekeliling.

Aktiviti pertanian dapat mengisi masa terluang dengan pertara berfaedah serta dapat mengurangkan tekanan dan perasaan bosan. Malah, masyarakat tidak akan terjerumus dalam gejala sosial tidak sihat seperti merokok, melepak, berjudi dan menagih dadah.

Pada masa sama, perbelanjaan harian juga dapat dijimatkan kerana tidak perlu membeli sayur-sayuran dan

buah-buahan di pasar. Jika melihat sudut kesihatan, bagaimanakah masyarakat hendak memastikan sayur-sayuran dan buah-buahan dibeli di pasar adalah baik dan bebas bahan kimia?

Justeru, aktiviti pertanian amatlah penting supaya masyarakat lebih cakna mengenai makanan diperolehi dalam kehidupan seharian.

Selain itu, penanaman herba seperti halia dan serai wangi pula dapat membantu dijadikan ubat ketika sakit.

Tambahan lagi, aktiviti pertanian dapat memberi peluang kepada masyarakat di rumah untuk berkongsi rezeki diperolehi daripada hasil tanaman mereka bersama jiran dan penduduk yang tinggal berjiran.

Ini secara tidak langsung menggerakkan silaturrahim dan memupuk suasana harmoni dalam kalangan masyarakat.

Selain itu, ia juga dapat membantu mencapai matlamat pelestarian dengan menjalankan aktiviti pertanian secara perkongsian. Sebagai contoh, berkongsi tanah bersama jiran dan mengusahakan tanaman bersama sama.

Hasil diperolehi dapat dimanfaatkan dan dikongsi bersama. Hal ini sangat bersesuaian dengan matlamat pelestarian iaitu rakan kongsi mencapai matlamat kelestarian.

Jelas di sini bahawa aktiviti pertanian sangat membantu mencapai matlamat kelestarian dan aktiviti ini harus dipraktikkan dan dikekalkan dalam kehidupan masyarakat.

Melalui pertanian juga, masyarakat akan lebih mesra dengan alam sekitar dan menjaganya dengan lebih baik. Masyarakat dapat berbudi kepada tanah dan memulihara ekosistem daratan.

Justeru, menjadi tanggungjawab setiap individu menjaga alam sekitar dengan baik supaya dapat mencapai sa-

saran SDG.

Kesannya, masyarakat dapat menghirup udara segar dan menikmati keindahan alam sekitar.

Realitinya, alam sekitar perlu dijaga dengan sebaik mungkin supaya generasi akan datang juga dapat memperoleh manfaat yang sama.

Mur Safiq Izzani Jamaluddin,
Mahasiswa Universiti Islam Antarabangsa
Malaysia





Pencapaian Kolej Komuniti Beaufort memenangi pingat emas dalam kategori Fruit Carving-Team Carving di Istanbul Gastronomy Festival, Turki pada 25 Disember 2019.

Kebolehpasaran graduan TVET capai 95 peratus

7,000 usahawan lulusan Teknikal dan Latihan Vokasional dilahir antara 2018 hingga 2020

Oleh Faris Fuad
faris.fuad@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kebolehpasaran graduan dalam bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) dari Kolej Komuniti dan Politeknik negara ini, mencapai tahap 95 peratus setiap tahun.

Timbalan Ketua Pengarah (Governor) Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Ts. Mohamad Amin Hamat, dalam kenyataannya, berkata keadaan itu membuktikan graduan terbahit mendapat tempat dan menjadi pilihan majikan dan industri, selain berpotensi melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi seperti universiti.

"Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti menyokong usaha Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam melahirkan lebih ramai *job creator* (penyedia peluang pekerjaan).

"Dari 2018 sehingga 2020, Politeknik dan Kolej Komuniti berjaya menghasilkan bampir 7,000 usahawan dalam kalangan graduan.

"Ada di antara mereka mampu merajana pendapatan sehingga mencecah lima angka dan mewujudkan peluang pekerjaan kepada individu lain," katanya.

Mengulas lanjut, katanya, pencapaian pelajar berkaitan di peringkat nasional dan antarabangsa turut membanggakan apabila meraih pingat, kemenangan serta pengiktirafan melalui pelbagai pertandingan kemahiran, inovasi dan sukan.

Katanya, antara platform yang berjaya mengharumkan nama institusi pendidikan terbahit adalah Pertandingan FIRA Ro-

Terdapat juga graduan Politeknik dan Kolej Komuniti berjaya membina kerjaya di luar negara dan ini kita terapkan melalui program pengantarabangsaan. Ia mendedahkan pelajar kepada peluang kerjaya global.

Ts. Mohamad Amin Hamat, Timbalan Ketua Pengarah (Governor) Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

boWorld Cup, WordSkills Competition, dan Abilitympics (Olimpik bagi pelajar kurang upaya).

"Ia termasuk juga Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri, Pertandingan MySkills, Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT), Universiade, Sukan Malaysia (SUKMA) dan Sukan SEA.

"Terdapat juga graduan Politeknik dan Kolej Komuniti berjaya membina kerjaya di luar negara dan ini kita terapkan melalui program pengantarabangsaan.

"Ia mendedahkan pelajar kepada peluang kerjaya global menerusi program pertukaran pelajar antarabangsa dan program latihan industri luar negara," katanya.

Ditanya kaedah TVET mengatasi isu kebolehpasaran graduan, katanya, pentadbiran setiap Politeknik dan Kolej Komuniti menerapkan pelajar masing-masing dengan ilmu dan kemahiran supaya dapat mencari peluang pekerjaan atau bekerja sendiri.

Katanya, TVET juga bekerjasama dengan pihak industri menerusi program khusus seperti Work Based Learning dan Structured Internship Programme bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan terbahit.

"Selain itu, TVET memperluas jaringan kolaborasi institusi de-



Penerapan ilmu dan latihan kemahiran dalam pengkhususan program pendidikan TVET meningkatkan prospek pekerjaan graduan.



Pelajar TVET didedahkan kepada bidang keusahawanan seawal semester satu melalui inkubator keusahawanan.

ngan industri termasuk syarikat multinasional melalui kerjasama berimpak tinggi seperti program CEO@Faculty Programme (CFP), Industry on Campus (IOC) dan Talent Enhancement Programme.

"Seterusnya, melaksanakan program *reskilling* (latihan semula), *upskilling* (peningkatan kemahiran) dan *crosskilling* (kemahiran silang) seperti ditawarkan di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA), KPT-Career Advancement Programme (PENJANA KPT-CAP) bagi membantu pelajar mendapat pekerjaan selepas mengikuti latihan itu.

"Selain itu, menekankan aplikasi kemahiran bagi membolehkan pelajar mempraktikkan ilmu kemahiran menerusi amali bengkel serta makmal dan membangunkan inovasi projek tahun akhir yang berbentuk *solution provider* (penyelesaian masalah)," katanya.

Dalam pada itu, Ts. Mohamad Amin memaklumkan, TVET menyediakan program pengajian yang responsif dengan keperluan

industri menerusi semakan dan penjarangan program pengajian dari semasa ke semasa supaya pelajar sudah bersedia memasuki fasa pekerjaan.

"TVET memberi nilai tambah kepada pelajar menerusi program Finishing School yang melengkapkan sijil dan diploma mereka dengan pengiktirafan dan pentaulihan profesional daripada badan serta agensi diperakui.

"Selain itu, mendedahkan pelajar kepada bidang keusahawanan seawal semester satu melalui inkubator keusahawanan di institusi dengan sokongan kementerian dan agensi luar.

"Akhir sekali, menggalakkan pelajar menceburi ekonomi gig dan menjadi pekerja bebas (*freelancer*) yang berjaya bagi menghadapi norma baharu pasaran kerja pasca COVID-19," katanya.

Beliau berkata, proses mendapatkan kerjasama yang lebih lestari daripada pihak industri bagi membangunkan TVET antara cabaran dihadapi dalam memperkasakan bidang terbahit di negara ini.